

浙江文化艺术发展基金资助项目

总主编 张明舟 徐 鲁
Ketua Editor Siri Zhang Mingzhou Xu Lu

“一带一路”沿线国家儿童文学经典书系（第一辑）
· 马来西亚卷 ·

汉文马来文对照



Siri Buku Klasik Kesusasteraan Kanak-Kanak *The Belt and Road* (Jilid 1)
· Jilid Malaysia ·

[马来西亚] 谢增英 [马来西亚] 刘育龙 主编
[Malaysia] Chia Chen Eng [Malaysia] Lew Yok Long Ketua Editor

[马来西亚] 刘玉玲 [马来西亚] 阿美娜·阿里 译
[Malaysia] Lau Yoke Lian [Malaysia] Amina Binti Ali Penterjemah

宁波出版社
NINGBO PUBLISHING HOUSE

“一带一路”沿线国家儿童文学经典书系（第一辑）

· 马来西亚卷 ·

Siri Buku Klasik Kesusasteraan Kanak-Kanak *The Belt and Road* (Jilid 1)

· Jilid Malaysia ·

[马来西亚] 谢增英 [马来西亚] 刘育龙 主编

[Malaysia] Chia Chen Eng [Malaysia] Lew Yok Long Ketua Editor

[马来西亚] 刘玉玲 [马来西亚] 阿美娜·阿里 译

[Malaysia] Lau Yoke Lian [Malaysia] Amina Binti Ali Penterjemah

图书在版编目(CIP)数据

“一带一路”沿线国家儿童文学经典书系·第一辑,
马来西亚卷: 汉文马来文对照 / (马来) 谢增英
(Chia Chen Eng), (马来) 刘育龙 (Lew Yok Long) 主
编; (马来) 刘玉玲, (马来) 阿美娜·阿里
(Amina Binti Ali) 译. -- 宁波: 宁波出版社, 2022.10
ISBN 978-7-5526-4587-3

I. ①一… II. ①谢… ②刘… ③刘… ④阿… III.
①儿童文学—作品综合集—马来西亚—汉、马 IV.
①I18

中国版本图书馆CIP数据核字(2022)第081174号

版权合同登记号: 图字11—2022—163

“一带一路”沿线国家儿童文学经典书系(第一辑)·马来西亚卷

[马来西亚] 谢增英(Chia Chen Eng) [马来西亚] 刘育龙 (Lew Yok Long) ©主编
—— [马来西亚] 刘玉玲 [马来西亚] 阿美娜·阿里(Amina Binti Ali) ©译

出版人 袁志坚

策划编辑 江一常

责任编辑 孙秀秀

责任校对 秦梦娜

责任印制 陈 钰 王璐璐

插 画 [马来西亚] Awin Tan [马来西亚] 林清辉 [马来西亚] 俞德业

装帧设计 王泽闻 金字斋

出版发行 宁波出版社

(宁波市甬江大道1号宁波书城8号楼6楼 315040)

印 刷 宁波白云印刷有限公司

开 本 710mm×1000mm 1/16

印 张 15.5

字 数 150千

版 次 2022年10月第1版

印 次 2022年10月第1次印刷

标准书号 ISBN 978-7-5526-4587-3

定 价 55.00元

如发现缺页或倒装,影响阅读,请与出版社联系调换。电话: 0574-87248279

序 言

Prakata

马来西亚华文文学(马华文
学)在 1919 年开始成形,但可惜
的是,本土华文儿童文学没有在同
一时期发展起来。马来亚于
1957 年独立前,马华儿童文学未
能发展起来的原因有二:一、我
国华文教科书和读物大多是来自
中国大陆和中国香港;二、本地
的出版业仍在起步的阶段,因此
本土的儿童文学没有获得重视。

马来西亚(新加坡和马来亚)

Kesusasteraan Bahasa Mandarin Malaysia
(Kesusasteraan Mahua) mulai dibentuk pada
tahun 1919, tetapi sayangnya perkembangan
kesusasteraan kanak-kanak Malaysia tidak
seiring. Sebelum Malaysia merdeka pada tahun
1957, terdapat dua faktor yang menyebabkan
kesusasteraan kanak-kanak Malaysia tidak
berkembang. Pertama, bahan bacaan dan
rujukan Bahasa Mandarin kebanyakan berasal
dari China dan Hong Kong. Faktor yang kedua
ialah, penerbit tempatan masih dalam penggal
permulaan pembinaan industri penerbitan, maka

成立后，儿童文学仍然是不被重视的一块，年红先生曾说，这除了儿童文学的重要性被忽略之外，马华作家（马来西亚地区华裔作家）视儿童文学为“小儿科”，不愿做出贡献，也是其中一个主要原因。

至于刊物方面，虽然 20 世纪 70 年代和 80 年代陆续出版了一些适合孩子阅读的刊物，例如：《学生周报》（1958 年发行）、《少年乐园》（1964 年创刊）、《知识报》（1965 年创刊）、《儿童报》（1972 年创刊）、《知识画报》（1976 年创刊）、《小读者》（1976 年创刊）、《好学生》（1977 年创刊）、《好少年》（1979 年创刊），但是，除了《儿童报》，这些刊物少有刊登本土儿童文学作品。《儿童报》创刊于 1972 年 3 月 7 日，由马来西亚生活出版社出版发行，社长为周宝梅。年红先生便

kesusasteraan kanak-kanak tidak dipandang serius pada ketika itu.

Selepas Malaysia ditubuhkan, kesusasteraan kanak-kanak merupakan bidang yang masih tidak dipandang serius. Encik Nian Hong pernah berkata, ia disebabkan pengabaian kepentingan peranan yang dimainkan oleh kesusasteraan kanak-kanak dan penulis Mahua menganggap kesusasteraan kanak-kanak hanyalah kategori kesusasteraan yang ‘kecil dan tipis’. Ketidaksanggupan mereka menyumbang merupakan salah satu punca utama mengapa kesusasteraan kanak-kanak Malaysia tidak berkembang.

Manakala dalam penerbitan majalah pula, pada zaman 70-an dan 80-an, terdapat juga majalah yang sesuai untuk bacaan kanak-kanak telah diterbitkan. Antaranya, Majalah Pelajar (diterbitkan pada tahun 1958), Taman Remaja (diterbitkan pada tahun 1964), Akhbar Ilmu (diterbitkan pada tahun 1965), Akhbar Kanak-kanak (diterbitkan pada tahun 1972), Akhbar Ilmu dan Gambar (diterbitkan pada tahun 1976), Pembaca Kanak-kanak (diterbitkan pada tahun

是《儿童报》的编辑，他主要负责儿童文学和语文知识部分，只可惜《儿童报》在 1973 年 10 月 13 日出版了第 60 期后便停刊。

1976 年，南马文艺研究会编委会进一步为东方文化机构有限公司编辑了《学生剧场丛书》(12 册)；在 1977 年为泰来出版社编辑了《泰来儿童丛书》(十册)，并获第一届马来西亚华人文化协会文学奖。接着，南马文艺研究会先后编写和出版了儿童文学创作数十本，包括《南文会少儿丛书》第一、二、三辑(共 30 本)，《彩虹少儿丛书》第一、二辑(共 20 本)以及儿童小说集《小卡车》等，成为马来西亚华文儿童文学发展的主力军。(注)

到了 2003 年，习写儿童诗歌的技能被纳入小学华文课程，儿童诗歌开始受到重视。对比其他的儿童文学种类，儿童诗歌发展

1976), Pelajar Baik (diterbitkan pada tahun 1977), Remaja Baik (diterbitkan pada tahun 1979). Walau bagaimanapun, penerbitan tersebut kecuali Akhbar Kanak-kanak, jarang menerbitkan karya kesusasteraan kanak-kanak tempatan. Akhbar Kanak-kanak diterbitkan kali pertama pada 7 Mac 1972. Diterbitkan oleh Penerbit *Life Magazines Malaysia*, Zhou Bao Mei ialah pengarah bagi penerbit ini. Encik Nian Hong merupakan salah seorang editor bagi Akhbar Kanak-kanak, bertanggungjawab terutamanya di bahagian kesusasteraan kanak-kanak dan tatabahasa, tetapi sayangnya pada 13 Oktober 1973, selepas mencecah penerbitan yang ke-60, akhbar ini telah diberhentikan penerbitannya.

Sidang pengarang Persatuan Kesusasteraan dan Kesenian Malaya Selatan telah menerbitkan Siri Buku Drama Pelajar yang berjumlah 12 jilid demi manfaat Syarikat Budaya Timur Sdn. Bhd. pada tahun 1976. Pada tahun 1977, siri buku yang diterbitkan oleh Penerbit Taylor yang berjudul Siri Buku Cerita Kanak-kanak Taylor yang berjumlah 10 buah buku turut ditawarkan anugerah Pertandingan Kesusasteraan

蓬勃，因此本书选入的作者多达10位，他们都是马来西亚著名的童诗作者。在这些作者当中，梁志庆老师和年红老师对儿童诗歌的发展做出极大的贡献，从著书、开讲座，到举办儿童诗歌创作比赛等，他们都积极地参与其中。已故儿童文学作家郑秋萍老师，在诗歌创作和推广方面功不可没，她经常到学校给老师开讲座，分享如何赏析童诗和创作童诗的心得，为校园童诗播种。另一位值得我们尊敬的童诗作家是宋飞龙，他目前已经自费出版了10本童诗集，这些年来，在创作童诗方面他笔耕不辍，交出亮丽的成绩单。

儿童诗歌会获得关注，另一个主要原因是马来西亚教育部自2004年起，每年都举办全国中小学诗歌朗诵比赛，至今已经举办了17届。由于小学组的比赛

Persatuan Budaya Orang Cina Malaysia anjuran kali pertama. Seterusnya, Persatuan Kesusasteraan dan Kesenian Malaya Selatan berjaya menerbitkan puluhan buku hasil karya kesusasteraan kanak-kanak. Antaranya, Siri Buku Kanak-kanak Karya Malaysia Selatan Jilid 1, 2 dan 3 berjumlah 30 buah buku, Siri Buku Kanak-kanak Pelangi Jilid 1 dan 2, berjumlah 20 buah buku dan Lori Kecil (Koleksi Karya Kesusasteraan Kanak-kanak) dan lain-lain. Usaha demi usaha yang dilakukan itu merupakan aliran utama dalam arus perkembangan kesusasteraan kanak-kanak Bahasa Cina Malaysia.

Sehingga tahun 2003, kemahiran belajar menulis puisi kanak-kanak telah disenaraikan ke dalam Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Bahasa Cina Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina. Bermula dari sini, puisi kanak-kanak mulai mendapat tempat dalam kalangan masyarakat. Berbanding dengan genre yang lain dalam bidang kesusasteraan kanak-kanak, puisi kanak-kanak berkembang dengan lebih pesat, 10 penulis yang terpilih dalam koleksi buku kali ini, kesemua mereka merupakan

是以朗诵儿童诗歌为主，因此这也促使许多教师开始学习赏析和创作儿童诗歌。

值得一提的是，马来西亚影响力最大的华文日报《星洲日报》自1999年第5届花踪文学奖开始增设儿童文学奖，并把参赛文类定为童诗，为本地的童诗作家提供了互相切磋和观摩的平台。花踪文学奖可说是本地最具权威的文学奖，增设童诗奖项无疑能吸引和鼓励更多马华作家投入童诗创作这个领域。本书的多位作者都曾经在这项赛事中得奖，分别是：郑秋萍、梁志庆、刘育龙、王振平、周锦聪和郝眉。花踪儿童文学奖每两年举办一次，自1999年到2007年，总共举办了5届。可惜的是，主办单位在这之后便从花踪文学奖的奖项中取消了这个项目，令这项赛事从此成为绝响。

penulis puisi kanak-kanak yang terkenal di Malaysia. Antaranya, Cikgu New Sang King dan Cikgu Nian Hong telah memberi sumbangan yang signifikan dalam perkembangan bidang kesusasteraan kanak-kanak. Mereka berusaha dari menulis buku, memberi ceramah sehingga menganjurkan pertandingan penulisan puisi kanak-kanak dan sebagainya. Mereka melibatkan diri secara aktif untuk mempromosikan karya-karya kesusasteraan kanak-kanak. Mendiang Tei Chew Peng, yang juga merupakan seorang guru, banyak berjasa dalam proses mendorong penulisan puisi kanak-kanak. Mendiang selalu memberi ceramah di sekolah-sekolah untuk guru-guru, berkongsi pengalaman mengajar murid-murid menulis puisi kanak-kanak dan cara menghayati puisi kanak-kanak. Beliau berusaha menyemai benih kesusasteraan kanak-kanak di seluruh Malaysia. Seorang lagi penulis yang disanjung tinggi ialah Song Fei Loong, setakat ini beliau telah menerbitkan sebanyak 10 buah buku koleksi puisi kesusasteraan kanak-kanak. Kos penerbitan bagi kesemua buku beliau ditanggung sendiri. Selama ini, beliau tidak

此外，彩虹出版有限公司与南马文艺研究会多年来联合举办了多届全国华小童诗创作比赛和全国少儿童话寓言创作比赛，鼓励和推广小学生创作童诗和童话寓言，在许多孩童的心田种下儿童文学的幼苗，令人钦佩。

2022年，马来亚大学中文系和《星洲日报》联合举办童诗赏析、教学与创作课程，邀请本地的作家、教师和学者教导学员如何赏析和创作童诗。除了安排五堂课，前后也举办了两次童诗创作比赛，鼓励学员参与童诗创作，同时在赛后点评得奖作品。本书中的两位作家和两位编者，即方肯、林健文、谢增英和刘育龙都是这个课程的导师。

2006年，由红蜻蜓出版社推出的许友彬和邓秀茵的长篇少儿小说，掀起了阅读少儿小说的热潮。本书选入的作家在儿童

pernah berhenti daripada terus berkarya sehingga cemerlang dalam bidang ini.

Satu lagi sebab utama puisi kanak-kanak disambut dengan baik ialah sejak dari tahun 2004, Kementerian Pendidikan Malaysia menganjurkan pertandingan deklamasi sajak kebangsaan di peringkat sekolah rendah dan menengah setiap tahun. Sehingga hari ini, pertandingan ini telah dianjurkan buat kali ke-17. Kategori sekolah rendah masih cenderung mendeklamasi puisi kanak-kanak, ini juga menyebabkan ramai cikgu mulai menghayati dan menulis puisi kanak-kanak.

Yang perlu menekankan lagi ialah akhbar *Sin Chew Jit Pow*, akhbar Bahasa Mandarin yang mempunyai pengaruh terbesar di Malaysia, telah menambahkan kategori kesusasteraan kanak-kanak ke dalam Anugerah Sastera Hua Zong sejak tahun 1999, iaitu Anugerah Sastera Hua Zong yang ke-5, dan hanya mengkhaskan kepada puisi kanak-kanak dalam kategori ini. Tindakan ini berjaya menyediakan satu platform kepada para penulis puisi kanak-kanak saling bertanding dan berkomunikasi untuk belajar

小说创作方面成绩斐然，例如年红、爱薇、郝眉、刘玉玲、赖宇欣、方肯等，他们都曾经出版儿童小说集。

在推广儿童小说创作方面，留台联总扮演着举足轻重的角色。自1989年承办至今，留台联总已经举办了16届的马华儿童小说创作比赛，两年一度，不曾间断，意义深远。这项赛事为马华文坛培养了一批儿童小说作家，其中包括这本合集的作者和编者，如廖冰凌、刘玉玲、赖宇欣、方肯、潘芳玲、王振平、谢增英等。

由于马来西亚的儿童文学长期被马华文坛的编者和作家边缘化，发展空间十分有限，愿意加入儿童文学创作阵容的作家也比较少，在发展方面自然面对较多的阻碍。庆幸的是，我们还是有一群热爱儿童文学的作家和不屈不挠的推动者，长期默默

bersama dan merujuk sesama mereka. Anugerah Sastera Hua Zong merupakan pertandingan penulisan karya sastera yang berprestij tinggi dalam industri ini. Penambahan anugerah menulis puisi kanak-kanak ini telah mendorong lebih ramai penulis Mahua melibatkan diri dalam penulisan puisi kanak-kanak dan juga menarik minat mereka menghasilkan karya puisi kanak-kanak. Beberapa penulis koleksi buku ini pernah menenangi pertandingan tersebut, contohnya Tei Chew Peng, New Sang King, Lew Yok Long, Wong Ching Ping, Chew Chin Chong dan juga Fang Mei. Anugerah Sastera Hua Zong dianjurkan setiap selang dua tahun sekali, anugerah kategori puisi kanak-kanak telah diwujudkan pada tahun 1999 hingga 2007, tetapi sayangnya hanya mampu bertahan lima kali sahaja. Selepas itu, anugerah kategori puisi kanak-kanak dibatalkan dan era kegemilangan anugerah menulis puisi kanak-kanak tidak dapat diteruskan lagi.

Selain itu, penerbit Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd. dan Persatuan dan Kesenian Kesusasteraan Malaya Selatan turut memainkan peranan

耕耘，近年来也陆续看到这一批人开办童诗鉴赏班、举办童诗创作比赛、编选童诗合集等，除了提高大众的儿童文学鉴赏水平，同时也为马华儿童文学开拓出一片光明的前景，给孩子们带来既有趣又有益的优质文学作品。

身为主编，我们非常感谢出版单位宁波出版社有限公司积极推动《“一带一路”沿线国家儿童文学经典书系》这项出版计划，为我们提供出版本地儿童文学合集这个美好的机缘。

我们也要衷心感谢为这本儿童文学合集供稿的作家们。纵观这 16 位本地儿童文学作家的童诗和儿童小说，在创作风格方面，展现了百花齐放的多元色彩，从多角度向读者描绘我们未来主人翁的情感、思想和生活风貌。这 16 位作家涵盖了马华文坛上老、中、青三代人，具体而微

selaku penganjur bersama yang banyak kali mengadakan pertandingan penulisan puisi kanak-kanak dan pertandingan penulisan cerita dongeng kanak-kanak kebangsaan, mendorong dan menggalakkan penulisan puisi dan cerita dongeng dalam kalangan kanak-kanak, tuntas menyemai benih sastera dan semangat berkarya di peringkat sekolah rendah. Ini merupakan satu kejayaan yang mengagumkan.

Pada tahun 2022, Jabatan Pengajian Tionghoa Universiti Malaya dan Sin Chew Jit Pow menganjur bersama kelas menghayati dan menulis puisi kanak-kanak. Aktiviti-aktiviti ini telah menjemput penulis tempatan, guru-guru dan ahli akademik untuk mengajar dan membimbing peserta menghayati dan menghasilkan karya puisi kanak-kanak. Selain lima kelas yang telah diadakan, pertandingan menulis puisi kanak-kanak turut dianjurkan sebanyak dua kali. Ia bertujuan untuk memupuk minat dan menggalakkan peserta melibatkan diri dalam bidang sastera kanak-kanak ini. Selepas pertandingan itu dijalankan, hakim akan memberi komen dan pendapat mereka terhadap puisi-puisi

地显现这一番景象：在儿童文学的创作道路上，前辈们依然孜孜不倦地笔耕和参与活动，中生代和新生代也在这一块扮演日益重要的角色，大伙儿齐心协力，共同为马华儿童文学的未来发展发热发光。

最后，我们也不忘感谢为本合集绘图的3位画家，即林清辉、俞德业和陈仪伟，替我们的这本儿童文学合集描绘出一片五彩缤纷的童年天地！

谢增英、刘育龙

完稿于2022年5月30日

(注)资料来源：年红《马来西亚儿童文学发展》

yang dipertandingkan. Antaranya Fang Keng dan Lim Kean Boon, dua penulis dalam koleksi buku ini serta dua editor bagi buku koleksi ini iaitu Chia Chen Eng dan Lew Yok Long merupakan mentor bagi kelas tersebut.

Pada tahun 2006, Penerbit Odonata telah menerbitkan buku novel kanak-kanak Khor Ewe Pin dan Deng Xiu Yin, mereka berjaya mencetuskan trend membaca buku novel kanak-kanak pada ketika itu. Penulis-penulis yang terpilih dalam koleksi buku ini juga berprestasi cemerlang dalam kalangan penulisan sastera kanak-kanak, contohnya Nian Hong, Ai Wei, Fang Mei, Lau Yoke Lian, Lai Yip Ching, Fang Keng dan lain-lain yang pernah menerbitkan buku novel kanak-kanak sebelum ini.

Dalam usaha mendorong penulisan novel kesusasteraan kanak-kanak di Malaysia, Gabungan Persatuan Alumni Universiti Taiwan, Malaysia memainkan peranan yang amat penting sebagai pendorong. Sejak tahun 1989 dan sehingga kini, persatuan tersebut turut menganjurkan pertandingan penulisan novel kesusasteraan kanak-kanak setiap selang dua

tahun sekali. Sehingga hari ini, sebanyak 16 kali pertandingan dianjurkan, dan tidak pernah putus penganjurannya. Pertandingan ini membawa makna dan impak yang signifikan dan berjaya memupuk segolongan penulis yang berpotensi seperti Liao Ping Leng, Lau Yoke Lian, Lai Yip Ching, Fang Keng, Phan Fon Lin, Wong Ching Ping, Chia Chen Eng dan lain-lain.

Disebabkan kesusasteraan kanak-kanak di Malaysia telah dipinggirkan oleh penyunting dan penulis Mahua selama ini, menyebabkan ruang perkembangannya sangat terhad. Mereka yang rela menceburkan diri ke dalam industri ini dalam jumlah yang sedikit, maka perkembangan keseluruhannya juga menghadapi banyak halangan. Sesuatu yang membuat kita berasa bertuah ialah masih wujud segelintir penulis yang tidak berputus asa dan memberi sumbangan tanpa mengira sambutan sama ada baik atau tidak. Kelas menghayati karya sastera kanak-kanak juga dianjurkan oleh golongan penulis ini. Menganjurkan pertandingan, memilih karya yang bermutu tinggi dan menerbitkannya sebagai satu koleksi buku dan sebagainya. Segala usaha yang dilakukan telah meningkatkan keupayaan penghayatan karya sastera kanak-kanak dan juga menerokai jalan pada masa depan yang lebih gemilang di Malaysia. Mereka membekalkan karya yang berkualiti dan bermanfaat kepada pembaca tempatan.

Sebagai editor koleksi buku ini, kami ingin merakamkan ucapan terima kasih terutamanya kepada penerbit Ningbo Publishing House yang bersungguh-sungguh mendorong projek Siri Buku Klasik Kesusasteraan Kanak-kanak *The Belt and Road*, pihak penerbit telah memberikan satu peluang keemasan kepada kami untuk menerbitkan koleksi buku kesusasteraan kanak-kanak tempatan.

Kami secara ikhlasnya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada penulis-penulis Malaysia yang turut serta menyumbangkan karya mereka dalam koleksi buku

ini. Meninjau secara keseluruhannya, 16 penulis cerita dan puisi kanak-kanak mempunyai stail dan cara penulisan yang berlainan. Kepelbagaian ini memberi elemen variasi dan unsur yang kaya dengan budaya dan keunikan pemikiran tersendiri dalam lingkup corak kehidupan yang berbeza. 16 penulis yang dikumpulkan dalam lingkungan generasi tua, pertengahan umur dan muda, menunjukkan kehadiran mereka sebagai pendorong kepada perkembangan industri kesusasteraan kanak-kanak di Malaysia secara rinci dan menyeluruh. Generasi tua masih berusaha menulis dan mendorong kemajuan industri ini, generasi pertengahan umur dan generasi muda juga memainkan peranan yang kian penting, sama-sama berusaha memikul tanggungjawab, mendorong perkembangan industri kesusasteraan kanak-kanak Mahua dan memastikan ianya terus maju jaya pada masa hadapan.

Akhir sekali, kami ingin merakamkan ucapan terima kasih juga kepada tiga pelukis bagi koleksi buku ini, mereka ialah Lim Cheng Hwee, Yee Teck Nyiap dan Awin Tan yang sudi menyumbangkan lukisan mereka dan mewarnai lagi pengalaman pembacaan bagi buku ini!

Iklas daripada
Chia Chen Eng dan Lew Yok Long
Scrip disempurnakan pada 30hb Mei 2022

Rujukan: Nian Hong: “Perkembangan Kesusasteraan Kanak-kanak Malaysia”

目 录

Kandungan

荷 花 Bunga Teratai	001
..... 祁 眉 Fang Mei	
弹 簧 Pegas Gegelung	003
..... 祁 眉 Fang Mei	
课室三件宝 Tiga Harta Dalam Kelas	006
..... 祁 眉 Fang Mei	
爸爸的捕鱼故事 Cerita Ayah Menangkap Ikan	009
..... 梁志庆 New Sang King	
点亮中秋 Nyalakan Malam Hari Perayaan Pertengahan Musim Luruh	011
..... 梁志庆 New Sang King	
浪花和我做朋友 Ombak Berkawan Dengan Saya	014
..... 梁志庆 New Sang King	

我要种很多很多树			
Saya Mahu Menanam Banyak Pokok			017
.....	林健文	Lim Kean Boon	
数字人生			
Kehidupan Angka			021
.....	林健文	Lim Kean Boon	
钥 匙			
Kunci			025
.....	林健文	Lim Kean Boon	
风娃娃			
Si Angin Tu Si Budak			028
.....	刘育龙	Lew Yok Long	
我的志愿			
Cita-cita Saya			030
.....	刘育龙	Lew Yok Long	
小雨点			
Titisan Hujan			033
.....	刘育龙	Lew Yok Long	
孩子的话			
Bisikan Budak			037
.....	年 红	Nian Hong	
那一夜			
Malam Itu			040
.....	年 红	Nian Hong	

小 草		
Rumput		041
.....	年 红	Nian Hong
村 童		
Budak Kampung		043
.....	宋飞龙	Song Fei Loong
呼呼吹拂的风		
Angin Yang Bertiup Kencang		045
.....	宋飞龙	Song Fei Loong
榕树下		
Di Bawah Pokok Banyan		049
.....	宋飞龙	Song Fei Loong
风姐姐要梳头		
Kak Angin Mahu Tolong Sikat Rambut		053
.....	王振平	Wong Ching Ping
给爸爸的信		
Surat Ditulis Buat Ayah		056
.....	王振平	Wong Ching Ping
到公公的菜园去		
Santai-santai Ke Kebun Sayur Atuk		060
.....	王振平	Wong Ching Ping
寂 寞		
Kesunyian		063
.....	萧丽芬	Syau Lai Fun